

56 pelajar UMSKAL dapat pangkat Pegawai Kadet Siswa Pertahanan Awam

um 8.3.13 26

LABUAN 7 Mei - Seramai 56 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mendapat pangkat Pegawai Kadet Siswa Pertahanan Awam (Sispa) baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur berkata, daripada jumlah itu seramai 32 pelajar merupakan

pelajar semester dua manakala selebihnya adalah pelajar semester empat.

Beliau yang juga Komandan Sispa UMS berkata, majlis itu amat penting kerana sukarelawan dalam kalangan generasi muda perlu dilatih bagi menghadapi kecemasan dan bencana dalam negara.

"Meskipun Sispa ini baru men-

cecah usia setengah tahun, anggotanya telah membuktikan komitmen membanggakan termasuk muncul johan pertandingan Kemahiran Medik sempena Perhimpunan Sispa ke-3 di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"Kami juga muncul johan perbarisan kategori institusi pengajian tinggi awam sempena sambutan Pertahanan Awam di sini baru-baru ini.

Persekutuan

Labuan di Dataran La-

buan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan alu-aluan sempena majlis penyampaian pangkat itu yang disempurnakan Timbalan Pesuruhanjaya Pertahanan Awam, Selamat Dahalan yang juga Timbalan Ke-

tua Pengarah (Operasi) Jabatan

Pertahanan Awam di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Per-

tahanan Awam Wilayah Perseku-

tuan, Lt. Kol (PA) Zainal Yusof; Pen-

garah UMSKAL, Lt. Kol. Bersekutu

(PA) Prof. Madya Dr. Ismail Ali me-

rangkap Timbalan Komanden Sispa

UMS; Pegawai Pertahanan Awam

Daerah, Mejar (PA) Awang Iskandar

Ampuan Yaacub dan Timbalan Pen-

daftar UMSKAL, Zamri Mohamad

Tuah.